



# Kami sudah divaksin

- ✓ PKP 3.0 disambung sehingga 28 Jun
- ✓ PPV pandu lalu pertama di Melaka dibuka bulan ini
- ✓ Lapor polis jika pemberian vaksin tidak telus – Sulaiman
- ✓ Lebih 10 peratus rakyat di Melaka sudah divaksin
- ✓ Lebih 2.7 juta rakyat Malaysia sudah divaksin
- ✓ Dakyah golongan anti vaksin hanya mitos

2,3&amp;4



# Lapor polis jika pemberian vaksin tidak telus – Sulaiman

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**TANGGA BATU** – Segala dakwaan mengaitkan pemberian vaksin yang tidak telus di negeri ini perlu dilaporkan segera kepada pihak berkuasa.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, pihaknya juga tidak bersetuju sekiranya ada dalam kangan orang kenamaan (VIP) cuba memotong barisan dalam mendapatkan suntikan vaksin seperti yang didakwa sebelumnya pihak baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, dakwaan di media sosial sahaja tidak cukup dan segala bukti itu perlulah disertakan dan laporan polis perlu dibuat.

"Yang sebut ada pilih kasih membabitkan golongan VIP itu, saya alu-alukan untuk lapor pada polis."

"Biarkan polis siasat kerana saya pun tak suka juga (jika benar ia berlaku).

"Buat masa ini, memang saya tak dapat apa-apa laporan. Tapi kalau betul-betul ada memang saya tidak bersetuju

100 peratus," katanya yang ditemui selepas mengadakan lawatan ke rumah enam beradik yatim piatu di Tangga Batu Pekan, baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab dakwaan Ketua Pembangkang, Adly Zahari yang mengaitkan kuota pemberian vaksin membabitkan badan berkaitan kerajaan (GLC) diberikan kepada 'rakan-rakan' dan golongan VIP dalam satu hantaran di Facebooknya, baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, mengulas sama ada Melaka bakal menjalankan ujian saringan COVID-19 secara bersar membabitkan rakyat negeri ini, Sulaiman berkata, ia hanya akan dilakukan di kawasan-kawasan tertentu sahaja.

Jelasnya, antara kawasan yang akan dijalankan ujian saringan bersasar ialah kawasan yang mempunyai kebolehjngkitan COVID-19 tinggi di negeri ini, selain kawasan dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).



SULAIMAN beramah mesra dengan salah seorang warga emas yang hadir menerima suntikan vaksin COVID-19 dalam lawatannya ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Dewan Alamanda, Jasin pada 12 Jun lepas.

## Melaka nafi tidak telus agih vaksin

**Farah Suhaidah Othman**

**SERI NEGERI** – Kerajaan Melaka menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa berlaku ketidaktelusan dalam aspek pemberian vaksin di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, sehingga kini pihaknya belum menerima sebarang laporan atau aduan berlakunya salah laku pemberian vaksin membabitkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti yang didakwa Ketua Pembangkang, Adly Zahari, baru-baru ini.

Bagaimanapun, katanya, orang ramai boleh membuat aduan secara rasmi berserta

bukti sekiranya benar wujud salah laku dalam isu pemberian vaksin dan bukannya sekadar berkongsi di media sosial.

"Berhubung perkara itu (tidak telus) saya tiada maklumat, namun demikian saya terima teguran dan akan buat siasatan perkara ini bagi memastikan tidak berulang lagi."

"Orang ramai boleh membuat aduan atau melaporkan kepada saya atau pihak berwajib lain sekiranya benar wujud perkara seperti yang didakwa itu," katanya.

Sebelum ini, Adly yang juga bekas Ketua Menteri menerusi hantaran di Facebooknya baru-baru ini mengharapkan agar kerajaan negeri menyiasat kaedah pemberian vaksin yang dilaksanakan badan berkaitan kerajaan.

Menerusi hantaran itu, Adly mendakwa terdapat laporan mengatakan vaksin diberikan kepada golongan berkepentingan serta 'rakan-rakan' dan bukannya melalui prosedur yang mengutamakan individu yang berisiko terdedah kepada wabak itu.

Dalam pada itu, Rahmad berkata, pihaknya sedia maklum terdapat banyak aduan yang diterima daripada orang ramai yang kecewa dengan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang disifatkan bergerak perlahan di negeri ini.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan kerajaan negeri tidak mempunyai kuasa berhubung aspek pemberian vaksin memandangkan semuanya diatur Jawatankuasa Khas Jaminan

Akses Pemberian Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang mengagihkan bekalan dan melaksanakan pemberian secara berfasa.

"Kekangan kita adalah vaksin itu datang secara berfasa, sama ada dari kerajaan Pusat atau pun daripada luar negara, yang mana perkara itu perlu dirancang dengan rapi."

"Ia termasuk penambahan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) perlu dirancang selari dengan penerimaan vaksin yang dipohon daripada kerajaan Pusat," katanya.

Justeru, beliau meminta orang ramai agar bersabar dan tidak melepaskan amaran kepada petugas kesihatan yang sudah bekerja tanpa henti, siang dan malam dalam memastikan kesihatan awam negara terus terpelihara.

## Cadang KKM tambah PPV di luar bandar

**SERI NEGERI** – Cadangan bagi menambah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di kawasan terpencil luar bandar mampu membantu mempercepatkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang sedang dilaksanakan di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Khas COVID-19 negeri Datuk Seri Abdul Ghafaar Atan berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu mengambil kira pandangan itu kerana kebanyakan individu di luar bandar menghadapi kesukaran untuk hadir ke PPV sedia ada disebabkan jarak yang jauh.

"Penubuhan PPV di kawasan yang jauh dari lokasi utama seperti di Asahan atau Kuala Linggi perlu diberi perhatian kerana ia memudahkan penduduk yang layak me-

nerima vaksin hadir tanpa perlu pergi jauh ke lokasi PPV yang ditetapkan.

"Bagaimanapun beberapa perkara perlu diambil kira termasuk stok bekalan vaksin yang diterima ke negeri ini sebelum menubuhkan PPV lain dan sekiranya ia seimbang, maka wajarlah KKM membuka beberapa lokasi PPV lain di Melaka," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Abdul Ghafaar yang juga Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri,

menyeru pembabitan lebih ramai sukarelawan bagi membantu petugas KKM dalam proses vaksinasi di PPV.

"Penyertaan sukarelawan ini menunjukkan keprihatinan masyarakat terhadap wabak yang menular negeri ini sekali gus memudahkan proses pengagihan di setiap PPV sedia ada."

"Kita berharap penyertaan sebagai sukarelawan ini mendapat sambutan positif selepas ini kerana program ini dijalankan meluas dan berperingkat dan memerlukan tenaga kerja bagi

membantu KKM," katanya.

Abdul Ghafaar turut menasihati individu yang layak hadir menerima suntikan dan tidak terpengaruh dengan dakyah golongan anti vaksin.

"Masyarakat tidak perlu per-

caya dengan 'cakap kosong' sesetengah pihak yang menolak vaksin di negara ini kerana setidaknya kerajaan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan rakyat terhindar daripada virus ini," katanya.



ABDUL Ghafaar

WAKTU SOLAT					
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB
	14 JUN 2021	5.50 am	7.04 am	1.14 pm	4.39 pm
	15 JUN 2021	5.50 am	7.04 am	1.14 pm	4.40 pm
	16 JUN 2021	5.50 am	7.05 am	1.14 pm	4.40 pm
	17 JUN 2021	5.50 am	7.05 am	1.15 pm	4.40 pm
	18 JUN 2021	5.51 am	7.05 am	1.15 pm	4.40 pm
	19 JUN 2021	5.51 am	7.05 am	1.15 pm	4.40 pm
	20 JUN 2021	5.51 am	7.05 am	1.15 pm	4.41 pm
	Istaki secara berjemaah lebih utama daripada solat seorang diri dengan dua puluh lima bahagian				
14 Jun 2021 - 20 Jun 2021 ( 03 Zulkaedah 1442H - 09 Zulkaedah 1442H)					

# PKP 3.0 dilanjut sehingga 28 Jun

**KUALA LUMPUR** - Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) yang dijadualkan sehingga 14 Jun, disambung dua minggu lagi hingga 28 Jun berikutan jumlah kes harian COVID-19 yang masih tinggi.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata perkara itu diputuskan dalam Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang di-

pergerusikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 11 Jun lalu, setelah menerima cadangan dan pembentangan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira jumlah kes harian masih tinggi melebihi 5,000 sehari dengan purata kes baru sehingga semalam ialah 6,871," kat-

anya dalam satu kenyataan media di sini baru-baru ini.

Ismail Sabri menjelaskan senarai prosedur operasi standard (SOP) bagi setiap aktiviti perkilangan, perniagaan dan industri masih kekal seperti mana diumumkan sebelum ini yang boleh dirujuk dari laman sesawang kementerian berkaitan.

Katanya maklumat lanjut SOP pula boleh diperoleh menerusi laman sesawang MKN di [www.mkn.gov.my](http://www.mkn.gov.my).

Ismail Sabri berkata memandangkan semua senarai SOP adalah sama seperti sebelum ini, maka beliau berharap tiada lagi kekeliruan dalam pelaksanaan penguatkuasaan SOP di lapangan yang akan mengakibatkan rakyat terkesan.- BERNAMA

## Jangan terpengaruh dakyah anti vaksin - Rauf

Faiz Hasan

**AYER KEROH** - Rakyat negeri ini diseru terus mendaftarkan diri di Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan mengabaikan sebarang adaian negatif disebarluaskan oleh golongan anti vaksin.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, golongan tersebut ternyata menggunakan platform media sosial untuk menyebarkan informasi negatif mengenai vaksin COVID-19 sehingga sebelum ini mencetuskan kekeliruan di kalangan masyarakat amnya.

Ujarnya, golongan warga emas merupakan antara individu yang mudah terpengaruh dengan dakyah tersebut, sedangkan warga emas termasuk sebagai golongan berisiko tinggi terhadap jangkitan COVID-19 dan sejawarnya perlu mendapatkan vaksin dengan kadar segera.

"Mereka (warga emas) ini merupakan golongan berisiko tinggi dan boleh mempengaruhi kepada kadar kebolehjangkitan wabak itu, malah perkara yang ditularkan di media sosial terbabit hanya sekitar dua peratus sahaja."

"Kita mahukan lebih 50 peratus rakyat Melaka menerima suntikan vaksin COVID-19, agar suatu hari nanti kita yang menetap di ne-

geri pelancongan mampu hidup seperti biasa contohnya di London yang sudah menjalani kehidupan tanpa bergantung kepada pelitup muka kerana 70 peratus rakyatnya telah divaksin.

"Kita harap pengaruh luar yang dibawa golongan anti vaksin ini perlu ditangkis supaya kita mampu menyokong hasrat kerajaan khususnya warga emas yang mudah terpengaruh dengan perkara ini," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Tambah Ab Rauf, bagi memastikan hasil ratu itu terus sampai kepada rakyat, beliau berpendapat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) perlu diperluaskan ke seluruh pelusuk kawasan negeri ini, sekali gus memudahkan golongan merlukan mampu terima vaksin dengan lebih mudah.

Jelasnya, setiap klinik kesihatan kawasan dalam parlimen perlu menyediakan PPV bagi memastikan pengagihan itu mencapai matlamatnya dan diterima rakyat khususnya golongan warga emas.

"Dengan penyertaan klinik kesihatan dijadikan PPV, ia mampu memudahkan PPV lain agar ia tidak tertumpu kepada satu kawasan sahaja dan ini akan memudahkan rakyat untuk terima vaksin."

"Malah jika ia meyakinkan, kerajaan juga



RAUF

mampu mengagihkan kepada setiap klinik swasta supaya golongan yang berkemampuan mampu membeli dan memanfaat suntikan ini serta bagi rakyat yang mahukan suntikan percuma, mereka boleh merujuk kepada klinik kesihatan kawasan masing-masing," katanya.

## PPV pandu lalu pertama di Melaka di buka bulan ini

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**ALOR GAJAH** - Perancangan membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pandu lalu pertama di Melaka kini di peringkat akhir perbincangan dan ia dijangka dilancarkan bulan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, Dewan Tun Ali, Bukit Katil menjadi lokasi pertama diwujudkan PPV secara pandu lalu yang mana ia dibuka bertujuan untuk melancar serta mempercepatkan pemberian vaksin membabitkan rakyat negeri ini.

Katanya, majlis pelancaran PPV pandu lalu itu juga akan dilakukan dalam masa terdekat setelah segala perancangan membabitkan laluan dan prosedur pemberian vaksin itu dimulakan.

"Buat masa sekarang, ia (PPV pandu lalu) berada di fasa akhir perbincangan dan Insya-Allah dalam bulan ini juga kita akan melancarkan PPV pandu lalu pertama itu."

"Sekiranya kita dapatkan PPV pandu lalu itu berjaya melancarkan perjalanan dan membantu mempercepatkan proses pemberian vaksin, kita juga akan mempertimbangkan lokasi-lokasi lain yang bersesuaian untuk dijadikan PPV pandu lalu yang seterusnya di Melaka selepas ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengadakan lawatan ke PPV keenam yang dibuka di Melaka iaitu di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE), Alor Gajah, pada 9 Jun lepas.

Hadir sama Pengarah Kesihatan Negeri Melaka Datuk Dr Ismail Ali dan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka, Leftenan Kolonel (PA) Cuthbert John Martin Quadra.

Rahmad berkata, PPV CREaTE adalah PPV kedua di daerah Alor Gajah selepas PPV Kompleks Sukan Masjid Tanah yang mana ia diwujudkan bagi menampung keperluan pemberian vaksin membabitkan masyarakat yang tinggal berhampiran kawasan tersebut.

Jelasnya, sejak ia dibuka, PPV berkenaan berupaya menampung 600 perenerima vaksin setiap hari.

## STATISTIK PERKEMBANGAN MELAKA PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

\*Data setakat 10 Jun 2021

**MELAKA**  
**407,457** Sudah Daftar  
**71,622** Sudah Divaksinasi

\*Sasaran imuniti Kelompok (80% populasi divaksinasi)

**10 LOKASI**

Pusat pemberian Vaksin (PPV)

MELAKA > SEMUA DAERAH

1	KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH	6	DEWAN CREATE
2	DEWAN MPJ ALAMANDA, JASIN	7	DEWAN MPJ HJ. AHMAD ITHNIN MERLIMAU
3	DEWAN TUN ALI	8	DEWAN HAN TUAH
4	DEWAN MBMB TAMAN BERTAM JAYA	9	HOSPITAL ALOR GAJAH
5	HOSPITAL JASIN	10	HOSPITAL MELAKA

**NASIONAL**  
**13,046,616** Sudah Daftar  
**2,835,178** Sudah Divaksinasi

\*Sasaran imuniti Kelompok (80% populasi divaksinasi)

**MELAKA**

JUMLAH PENDAFTARAN



JUMLAH DIVAKSINASI



Infografik : Melaka Hari Ini  
Sumber : [www.vaksincovid.gov.my](http://www.vaksincovid.gov.my)

# Dakwaan golongan anti vaksin hanya mitos

**AYER KEROH** – Pandangan negatif serta menakut-nakutkan masyarakat umum mengenai kesan buruk vaksin COVID-19 difatkan sebagai mitos dan tidak seharusnya dipercayai secara ‘bulat-bulat’.

Ketua Komunikasi Kesehatan, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Melaka, Prof Madya Dr. Abdul Rauf Ridzuan berkata, golongan anti vaksin sebelum ini dilihat aktif menyebarkan dakwat pelbagai bentuk di platform media sosial amnya, namun kini, dengan jumlah kes yang meningkat sejak beberapa minggu ini, ramai rakyat Malaysia kian sedar akan pentingnya vaksin COVID-19.

“Jika sebelum ini, kita dapat lihat golongan anti vaksin ini begitu aktif mencipta fenomena tentang keburukan vaksin COVID-19 ini, sehingga ada yang menduduk vaksin ini adalah agenda jahat, terdapat cip di dalam vaksin serta pelbagai lagi.

“Namun begitu, kini kita dapat lihat fenomena yang mereka cipta ini, semakin mengecil dan lebih



DR. ABDUL RAUF

ramai rakyat Malaysia tam-pil mendaftar untuk mengambil vaksin,” katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Katanya, tiada sebab untuk masyarakat umum menolak vaksin tersebut, kerana Kerajaan Malaysia sendiri telah bertungkus lumus mengkaji keberkesanan setiap vaksin COVID-19 yang ada, malah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri pada 23 Disember 2020 mengumumkan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, telah mengambil ketetapan bahawa hukum

penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan ia wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan kerajaan.

“Tiada lagi alasan untuk kita tidak mahu mengambil vaksin ini dan sewajarnya kita bersama-sama menjayakan program vaksin COVID-19 jika kita mahu menjalani kehidupan secara normal seperti sebelum ini.

“Saya mengambil contoh beberapa negara maju Eropah lain, kita dapat lihat bagaimana masyarakat di sana begitu komited bersama-sama dengan kerajaan negara masing-masing untuk membasi wabak COVID-19 dan hasilnya kini ada di antara negara di sana sudah menjalani kehidupan normal.

“Suka atau tidak, rakyat Malaysia juga perlu mencontohi seperti mana yang dilakukan mereka, agar kita dapat bersama-sama menghapuskan wabak COVID-19,” jelasnya.

Tambahnya, beliau turut memuji usaha Kerajaan Melaka yang telah mengambil inisiatif menambah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di beberapa kawasan negeri ini, dan menyifatkan ia sebagai langkah tepat

dalam menggalakkan rakyat negeri ini mengakses suntikan vaksin dengan lebih mudah.

“Saya kira ia sebagai

- Saya kira ia sebagai usaha yang amat baik dan sudah tentu saya begitu mengharapkan Kerajaan Melaka akan menambah lebih banyak PPV di sekitar kawasan luar bandar terutamanya jika kita ingin melihat peratusan orang Melaka terima vaksin akan lebih tinggi

kawasan luar bandar terutamanya jika kita ingin melihat peratusan orang Melaka terima vaksin akan lebih tinggi,” katanya.

## PENDIKA harap suntikan vaksin dipercepatkan

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** – Kelab Pengamal Media Melaka (PENDIKA) menyambut baik keputusan serta keprihatinan kerajaan yang mendengar rihtihan petugas media mengenai keperluan suntikan vaksin COVID-19.

Pengerusi PENDIKA Amir Mamat berkata, dengan mendapat suntikan vaksin COVID-19 itu pengamal media di negeri ini tidak perlu berasa gusar dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Menurutnya, penerimaan vaksin itu sekali gus memberi keyakinan kepada media untuk terus menyiarluaskan berita mengenai kesedaran kepada masyarakat pentingnya mendapatkan vaksin semasa penularan pandemik yang boleh mengancam nyawa itu.



AMIR

“Namun, di sebalik pengumuman kerajaan yang sangat menggembirakan pengamal media itu, khususnya di Melaka, PENDIKA sangat berharap supaya pemberian vaksin itu dapat disegerakan.

“Semua pengamal media di Melaka difahamkan masih belum menerima sebarang maklumat terkini meng-

nai sesi temu janji untuk suntikan vaksin.

“Ini secara tidak langsung menimbulkan kekuatiran kami mengenai tahap kesihatan dan keselamatan kami ketika menjalankan tugas di lapangan,” katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Katanya PENDIKA berharap agar Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin serta Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), dapat mempercepatkan proses temu janji kepada pengamal media Melaka bagi tujuan suntikan vaksin.

“Kami percaya, menerusi suntikan ini, mampu membina imuniti kelompok dalam kalangan petugas media itu sendiri serta keluarga mereka,” katanya lagi.

## ‘Jangan pedulikan cerita karut mengenai vaksin’

Din Ahmad

**AYER LIMAU** – “Jangan pedulikan cerita karut mengenai vaksin COVID-19 kononnya sesiapa yang dapat suntikan, akan mati dua atau tiga hari selepas itu.

“Saya tidak percaya vaksin diciptakan oleh ahli sains untuk membunuh manusia, sebaliknya saya yakin mereka bertungkus lumus mencipta vaksin, semata-mata untuk membantu menyelamatkan nyawa manusia,” kata Annuar Mat Sharif, 55.

Bekas pekerja pelantar minyak dan gas itu berkata, cerita sedemikian tidak seharusnya membimbangkan anggota komuniti, terutama warga emas untuk mendaftar sebagai penerima vaksin.

Sehubungan itu, baru-baru ini, Annuar terpaksa meminta bantuan Jaafar Atan, 58, dan isteri, Norini Isha, 55, untuk mendaftarkan namanya sebagai penerima vaksin di kediamannya di Kampung Sungai Jerneh, Lubok Cina, di sini.

Pasangan suami isteri itu adalah



ANNUAR

antara sukarelawan dipilih Jabatan Ketua Menteri Melaka bagi membantu Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Rakeyah Dowin, 69, berkata beliau juga ada mendengar bermacam-macam cerita menakutkan mengenai vaksin COVID-19, termasuk ada yang menyatakan kononnya selepas tiga hari menerima suntikan, orang itu mati.

“Pada mulanya saya memang takut mendengar cerita seumpama



RAKEYAH

itu tetapi selepas melihat dengan mata kepala sendiri beberapa kawan yang menerima suntikan sihat walafiat, saya bersetuju mendaftar sebagai penerima vaksin,” katanya.

Katanya, pada mulanya dia kurang berminat untuk mendaftar sebagai penerima vaksin berikut cerita seumpama itu kerana bimbang diserang penyakit, apakah lagi tinggal berseorangan di kediamannya di Kampung Sungai Jerneh, Lubok Cina di sini.

“Bagaimanapun, selepas mendengar penjelasan adik bongsu saya, Mohd Noor, 58, dan Jaafar serta isterinya, hati saya terbuka untuk mendaftar,” katanya ketika menerima kunjungan Jaafar dan Norini bagi membantunya mendaftar sebagai penerima vaksin di kediamannya.

Jaafar berkata, beliau dibekalkan oleh Klinik Kesihatan Lubok Cina dengan sistem pendaftaran secara terus melalui pengimbas kod bar bagi memudahkan pendaftaran anggota komuniti, terutama warga emas.

“Sebelum ini kami sudah mengadakan program pendaftaran vaksin untuk anggota komuniti secara beramai-ramai di sebuah kedai di kampung ini dan ia mendapat sambutan menggalakkan.

“Kami sudah membantu mendaftarkan kira-kira 50 warga emas melalui program itu tetapi masih ada yang perlu diberikan penjelasan mengenai kebaikan vaksin dan seterusnya membantu mereka mendaftar,” katanya.

“Pada mulanya saya memang takut mendengar cerita seumpama itu tetapi selepas melihat dengan mata kepala sendiri beberapa kawan yang menerima suntikan sihat walafiat, saya bersetuju mendaftar sebagai penerima vaksin,”

# Dirgahayu



## Merakaf Sembah dan Setinggi-Tinggi Ucapan Tahniah

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG  
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH  
IBNI ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
D.K.P., D.K.M., D.K., D.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.K.(Terengganu), D.K.(Johor),,  
S.P.M.J., D.K.M.B.(Brunei), D.K.(Kedah), D.K.(Perlis), D.K.(Perak), D.K.(Selangor)

sempena

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku  
pada  
7 Jun 2021 Bersamaan 26 Syawal 1442H



Ikhlas Daripada:

YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali  
Ketua Menteri Melaka

Serta Kerajaan Negeri Melaka Dan Seluruh Rakyat Negeri Melaka



# 215 pelajar cemerlang SPM peroleh ‘straight A’

Faiz Hasan

**AYER KEROH** – Seramai 215 daripada 11,436 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 di negeri ini memperoleh keputusan cemerlang gred A dalam semua subjek diambil.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md. Ali berkata, daripada jumlah itu empat pelajar memperoleh keseluruhan subjek A+ manakala 211 pelajar mendapat keseluruhan subjek A.

Katanya, pencapaian Gred Purata Negeri (GPN) bagi SPM 2020 adalah

sama seperti 2019 iaitu 4.83.

“Dari segi peratusan calon lulus atau layak menerima sijil pula menunjukkan peningkatan 1.1 peratus bagi SPM 2020 kepada 90.2 peratus berbanding 89.1 peratus pada 2019.

“Sebanyak 17 sekolah negeri Melaka mencatat keputusan 100 peratus layak sijil di Melaka dengan pecahan 10 Sekolah Menengah Agama dan selebihnya sekolah harian biasa.

“Ini adalah keputusan yang memuaskan dalam kepayahan pelajar, guru dan warga Pejabat Pendidikan negeri dan daerah untuk membuat

persiapan bagi menghadapi peperiksaan SPM ketika negara berdepan pandemik COVID-19.

“Segala maklumat yang diberikan ini adalah maklumat awal yang diterima daripada Pengarah Pendidikan negeri, Dr. Mohd Azam Ahmad,” katanya kepada Melaka Hari Ini di Pandang Mes Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Melaka pada 10 Jun lepas.

Terdahulu beliau menyertai tinjauan udara oleh Polis Diraja Malaysia (PD-RM) bagi memantau keadaan semasa negeri menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Seri Dr. Hasim Hasan, Pengurus Jawatankuasa Kesihatan dan Antidadah negeri Datuk Rahmad Mariman dan Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali.

Sulaiman berkata, biarpun berdepan saat sukar, kerjasama warga pendidik dan Pejabat Pendidikan perlu diberi penghargaan dalam memastikan pembelajaran dan pencapaian pelajar memenuhi tahap yang disasarkan.



SULAIMAN

“Tahniah dan syabas kepada semua pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan pelajar yang menduduki SPM mencapai sasaran yang ditetapkan.”

“Malah mereka turut memastikan semua calon hadir ke sekolah bagi menduduki peperiksaan itu dalam waktu sukar (pandemik),” katanya.

## Pelajar kematian ibu akibat COVID-19 dapat 9A

Norizan Muhib

**AYER MOLEK** – Tidak seperti pelajar lain melonjak kegirangan ketika menerima keputusan cemerlang 9A Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 pada 10 Jun lalu, Afiya Adzahar diselubungi kesedihan kerana tidak dapat meraihannya bersama ibunya yang meninggal dunia akibat CO-VID-19 baru-baru ini.

Pelajar Sekolah Menengah Sains Tuanku Aishah Rohani, Seremban Negeri Sembilan itu terkilan kerana ibunya, Rosliwati Rosdi disifatkan banyak berkorban selama ini untuk kejayaannya.

“Mama sepatutnya paling gembira dan layak meraih kejayaan Afiya hari ini kerana mama paling banyak berkorban serta menjadi penguat semangat saya ketika tertekan menduduki peperiksaan sebelum ini.

“Tetapi mama meninggal dunia lebih awal dan tidak sempat menatap keputusan peperiksaan SPM ini bersama-sama saya dan ayah, namun saya yakin, mama pasti gembira dan bangga dengan kejayaan ini,” katanya.

Dia ditemui bersama bapanya, Adzahar Abu Bakar



**AFIYA** menunjukkan keputusan 9A pada peperiksaan SPM 2020 sambil ditemani bapanya Adzahar dengan memegang foto ibunya di rumah mereka di Kampung Paya Dalam, Ayer Molek pada 10 Jun lepas.

yang menghidap barah pangkal hidung sejak lebih 10 tahun lalu di rumah mereka di Kampung Paya Dalam, Ayer Molek pada 10 Jun lepas.

Anak bongsu dari enam beradik itu berkata, pada awalnya dia tidak yakin akan mampu meraih keputusan cemerlang itu memandangkan dia agak tertekan ketika

membuat persediaan peperiksaan SPM malah hanya mampu memperolehi B untuk subjek Matematik Tambahan pada peperiksaan percubaan SPM.

“Walaupun tinggal di asrama dan jauh dari rumah, ibu pasti datang melawat Afiya pada setiap minggu tanpa gagal, namun sejak diadakan Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP) selama enam bulan, kami tidak boleh berjumpa, ketika itu Afiya merasa amat tertekan.

“Tetapi ibu sentiasa memberi semangat dan kalau saya kata ‘tidak boleh’ ibu pasti berkata ‘boleh’, hingga ketika mahu mendapatkan keputusan SPM, masih terngiang-ngiang suara ibu mengatakan saya boleh.

“Ketika itu saya amat mengharapkan ibu ada di sebelah saya bersama ayah,” katanya dengan nada sebak.

Air mata gadis itu juga tidak dapat dibendung kerana dia amat berharap dapat berkongsi kegembiraan dan bersama-sama meraikan kejayaan memperolehi keputusan cemerlang SPM hari ini.

“Walaupun ibu sibuk mengurus ayah dan berulang-alik ke hospital kerana ibu juga tidak sihat kerana menghidap barah kepala, namun ibu tidak pernah hilang tumpuan pada pelajaran Afiya,” katanya.

Katanya, dia merancang untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan di universiti tempatan sebagai memenuhi impian ibunya yang mahu dia menjadi seorang doktor kelak.

## Pelajar SPM Henry Gurney lulus 98.3 peratus

**TELOK MAS** – Biarpun berada di sebalik ‘tirai besi’ pelajar Sekolah Henry Gurney (SHG) di sini, membuktikan kebijaksanaan mereka apabila mencatatkan 98.3 peratus kelulusan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2020.

Pengarah SHG Penolong Komisioner Penjara Hairol (PKP) Hisham Mohd Harith berkata, seramai 64 pelajar di sekolah berkenaan menduduki peperiksaan SPM 2020 pada 22 Februari hingga 25 Mac lalu dengan empat daripadanya memperoleh keputusan 5A 2B dalam peperiksaan terbabit.

Katanya, empat pelajar lagi masing-masing berjaya memperolehi 4A dan 3A manakala sembilan pelajar memperolehi 2A daripada jumlah subjek diambil.

“Sebaik memperolehi keputusan SPM, pelajar berkenaan

melakukan sujud syukur selepas memperolehi keputusan penuh 5A 2B sekali gus diumumkan pelajar terbaik,” katanya ketika mengumumkan keputusan peperiksaan SPM sekolah berkenaan pada 10 Jun lepas.

Hadir sama, Pengarah Penjara Melaka Timbalan Komisioner Penjara Ku Nawawi Ku Hamid.

Mengulas lanjut, Hairol berkata, secara keseluruhannya, lima mata pelajaran berjaya mencapai kelulusan 100 peratus iaitu Bahasa Melayu; Pendidikan Islam, Pendidikan Seni Visual, Tasawur Islam dan Sains.

“Bagi subjek Matematik, sebanyak 98.8 peratus kelulusan berjaya dicapai manakala subjek Perniagaan sebanyak 96.6 peratus dan Bahasa Inggeris 48.3 peratus.

## Anak pekerja pembersihan raih 7A SPM

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**SUNGAI RAMBAI** –

Anak seorang pekerja pembersihan di kawasan rehat dan rawat (R&R) Sungai Rambai di sini membanggakan ibu bapanya apabila meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020.

Anissa Suhaimi, 18, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munshi Abdullah menjadi antara pelajar cemerlang di negeri ini apabila memperoleh 7A dan 2B bagi SPM 2020 yang diumumkan 10 Jun lepas.

Anak ketiga daripada empat beradik itu berkata, menyedari dirinya bukan dalam kalangan keluarga senang menjadi antara penyuntik semangat untuknya membuktikan sesuatu, selain membalias budi ibu bapanya yang sentiasa memberikan pendidikan terbaik kepadanya selama ini.

Mengimbang pengalaman menghadapi peperiksaan ketika negara dilanda pandemik COVID-19, Anissa berkata pada awalnya dia berdepan sedikit tekanan



**ANISSA** menunjukkan keputusan SPM bersama ibunya, Nor Aini (kanan) dan bapanya, Suhaimi Md Jas (kiri) di kediamannya di Sungai Rambai, baru-baru ini.



# Setinggi-tinggi Tahniah



Kepada

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**  
S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

Sempena

## Ulangtahun Pertama Pelantikan

Sebagai

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada,*

**YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali  
Ketua Menteri Melaka**

*dan*

Barisan Kepimpinan Negeri Melaka, Ahli-ahli Exco, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri,  
Kakitangan Kerajaan dan swasta Serta Seluruh Rakyat Negeri Melaka



# Harga minyak masak botol meningkat

Din Ahmad

**LENDU** – Harga minyak masak botol lima kilogram (kg) di daerah ini meningkat kepada antara RM33 hingga RM33.50 berbanding antara RM24.50 hingga RM27.50 sebelum ini.

Harga minyak masak botol dua kg pula naik kepada antara RM12 hingga RM12.50 berbanding antara RM9 hingga RM10 sebelum ini.

Kenaikan itu dikesan berlaku sejak beberapa hari lalu, dipercayai berikutan kenaikan harga minyak sawit di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Tinjauan di beberapa kedai runcit dan pasar raya di sini mendapati harga berkenaan naik sejak beberapa hari lalu yang didakwa peniaga sebagai berpuncak daripada pemberontong.

Peniaga kedai runcit yang hanya ingin dikenali sebagai Fitri berkata, dia agak terkejut



NORENA

apabila pemberontong yang dihubungi untuk mendapatkan bekalan minyak masak tiga hari lalu memaklumkan harga bahan masak itu sudah naik.

"Pesanan minyak masak hanya dibuat dua kali sebulan bergantung kepada stok yang

masih ada di kedai dan kali ini pemberontong memaklumkan bahawa harga sudah naik.

"Pemberontong memberi alasan pengilang minyak masak menaikkan harga kerana harga minyak sawit yang melambung di pasaran tempatan dan antarabangsa sekarang," kat-

anya ketika ditemui di kedainya pada 7 Jun lepas.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, kerajaan hanya mengawal harga minyak masak paket satu kg tetapi tidak berbuat demikian pada minyak masak botol.

"Harga minyak masak botol dua hingga lima kg bergantung kepada harga pasaran minyak sawit mentah dunia dan kos lain yang menyumbang kepada penentuan harga runcit seperti kos operasi, bahan mentah dan pembungkusan."

"Bagaimanapun, KPDNHEP mengambil maklum perkara ini dan sudah mengeluarkan notis bagi mendapatkan maklumat mengenai kenaikan itu," katanya.

Beliau berkata, pengguna boleh membuat aduan mengenai isu kenaikan harga barang keperluan asas melalui panggilan di talian 06-2345822 atau aplikasi WhatsApp (019-2794 317).



HARGA minyak masak botol lima kilogram jenama 'Dian' dan 'Hafeez,' masing-masing kekal RM27.50 dan RM24.50 di Malakat Mall, Masjid Tanah, dalam satu tinjauan MHI pada 7 Jun lepas.

## Minyak masak peket jadi rebutan

**BANDARAYA MELAKA** – Kenaikan harga minyak masak botol secara mendadak ketika ini membuatkan orang ramai kini beralih kepada pembelian minyak masak peket bersubsidi RM2.50 sekilogram.

Tinjauan Melaka Hari Ini (MHI) mendapati rata-rata peniaga kedai runcit mengakui permintaan minyak masak peket sekilogram itu sedang meningkat dalam kalangan pengguna.

Menurut peniaga kedai

runcit di Bukit Rambai, Basiran Md Nasir, 52, akibat permintaan yang tinggi saban hari, dia kini mengambil pendekatan mengehadkan pembelian minyak masak bersubsidi itu hanya tiga peket bagi satu keluarga.

Katanya, walaupun mendapat rungutan segelintir pelanggan, namun, ia terpaksa dilakukan bagi memastikan semua orang dapat membeli barang keperluan asas itu terutama ketika Perintah Kaw-

Ian Pergerakan (PKP) penuh ini.

"Diikutkan kami peniaga memang suka bila bekalan cepat habis kerana modal kita berada di situ, tetapi saya mahu semua dapat beli minyak masak peket... sebab itulah saya hadkan."

"Buat masa ini, bekalan minyak masak peket mencukupi kerana setiap dua minggu sekali saya akan menerima stok sekitar 340 peket untuk dijual di kedai."

"Cuma nasihat saya kepada orang ramai, belilah mengikut

keperluan. Kalau habis, belilah lagi dan janganlah sehingga membuat pembelian panik," katanya yang lega orang ramai memahami perkara itu.

Di Bukit Katil, peniaga kedai runcit Mohamed Nayzier Mohamed Ali, 58, berkata, setakat ini kedainya masih menerima bekalan sebanyak 170 kilogram minyak masak peket setiap hari.

Bagi peniaga Muhammad Abullais Anuar, 45, di Taman Per-

tam Jaya, Semabok, meskipun berlaku kenaikan harga minyak dalam botol, dia bersyukur kerana masih boleh mendapatkan bekalan minyak peket hampir setiap minggu bagi memenuhi permintaan dan tidak mengalami kekurangan stok.

Bagaimanapun katanya, dia menetapkan jualan tiga peket minyak masak bagi setiap pelanggan dalam memastikan mereka yang berniaga tidak membeli berlebihan.

### INFOGRAFIK

**PERBANDINGAN** harga enam jenama minyak masak berdasarkan tinjauan MHI di dua pasaraya utama di Melaka pada 9 Jun 2021



Infografik : Melaka Hari Ini  
Sumber : Tinjauan wartawan di premis



BASIRAN menunjukkan bekalan minyak masak peket yang dijual di kedai runcitnya di Taman Rambai Utama.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,  
06 - 251 9315  
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN  
MUHD RIZANIZAM  
ABDUL HAMID  
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG  
MOHD HAMZATUL  
AKMAR MD ZAKARIA  
yondaine87@  
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL  
MEOR RIDUWAN  
meor7@riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN  
AZREN JAMALUDIN  
mazren86@gmail.com

PEGAWAI  
TEKNOLOGI MAKLUMAT  
AHMAD ZUHAIR  
UMARAH SAMSER  
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN  
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL  
ABDUL MAJID  
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN  
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH  
OTHMAN  
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED  
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA  
ABU BAKAR  
mimieazura1981@  
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI  
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS  
MUHAMMAD HAMZI  
ROSMANI  
amz@melakaharlini.my  
018 - 329 9336

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGILANGAN  
NAQIB TAJUDIN  
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF  
IZAIDA RAIHANAH IDRIS  
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH  
SYED KHADIZIR  
khaldah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA  
ASHALIA YUSOF  
ashalayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN  
MOHAMAD FARIS HAikal  
farishhalik.zakaria@  
melakaharlini.my

PENYUNTUNG VIDEO  
RABIAH OSMAN  
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA  
ISMAIL IBRAHIM  
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI  
AHMAD ZAHLANI  
auflazzat9@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI  
amirul@melakaharlini.my



# *Setinggi-tinggi Tahniah*



*Kepada*

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Sempena*

## *Ulangtahun Pertama Pelantikan*

*Sebagai*

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada,*



**Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah,  
Pengurus Besar, Pengurusan  
dan Seluruh Warga Kerja  
Yayasan Melaka**

# Polis Melaka tumpaskan ‘Geng 36’

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**AYER KEROH** – Empat lelaki dipercaya ahli kongsi gelap ‘Geng 36’ dicecup pihak polis hanya tiga hari selepas melakukan samun berkumpulan di sebuah kondominium mewah di Klebang.

Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata, suspek berusia 34 hingga 37 tahun itu ditahan dalam satu serbuan oleh sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Melaka di sebuah rumah di Bandar Baru Sri Petaling, Kuala Lumpur pada Isnin, kira-kira jam 3.45 petang.

Jelasnya, hasil serbuan berjaya menemui barang-barang samun termasuk sebuah kendaraan utiliti sukan (SUV) jenis Range Rover berwarna putih, selain pihaknya turut merampas dua lagi kendaraan yang digunakan untuk melakukan jenayah itu.

“Kita masih menyiasat bagaimana kesemua mereka berjaya masuk ke negeri ini dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



**ABDUL Majid (tengah) menunjukkan barang rampasan daripada kes samun berkumpulan di sebuah kondominium mewah di Klebang dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinen Melaka pada 11 Jun lalu.**

penyu, namun besar kemungkinan mereka menggunakan surat kebenaran daripada MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) atas kapasiti menjalankan perniagaan.

“Hasil tangkapan, kita mendapat kesemuanya mempunyai rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 395 dan 379A Kanun Keseksaan atas

kesalahan samun dan curi kenderaan,” katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinen Melaka, di sini, pada 11 Jun lalu.

Dalam kejadian pada 4 Jun lalu, mangsa, seorang ahli perniagaan

## Polis gempur sindiket judi ‘online’

**Farah Suhaidah Othman**

**KOTA LAKSAMANA** – Lapan individu termasuk tiga wanita Thailand dipercaya terbabit sindiket perjudian dalam talian ditahan dalam serbuan di dua unit kondominium di Jalan Persisiran Bunga Raya pada malam 8 Jun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) negeri Asisten Komisioner Mohd Sukri Kamran berkata, suspek yang ditahan berusia 25 hingga 36 tahun dan dipercaya menjadikan kondominium itu sebagai pusat panggilan judi sejak enam bulan lalu.

Menurutnya, siasatan awal oleh pegawai dan anggota serbuan JSJ Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) negeri mendapati semua suspek dipercaya mempromosikan

kegiatan judi menerusi talian aplikasi WhatsApp, Telegram dan WeChat serta SMS bagi pasaran tempatan, Singapura dan Thailand.

“Siasatan lanjut mendapat semua suspek dibayar gaji antara RM1,800 hingga RM3,000 sebulan berdasarkan jumlah tempoh masa bekerja.

“Sindiket judi atas talian itu dipercaya menyewa dua unit kondominium itu dengan sewa kira-kira RM2,500 sejak awal tahun ini dan menjadikannya lokasi pusat panggilan kegiatan judi atas talian.

“Siasatan turut mendapat sindiket berkenaan beroperasi 24 jam dan suspek bekerja mengikut syif, ada yang 12 jam dan ada yang lapan jam sehari,” katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) di lokasi serbuan, baru-



**MOHD Sukri**

baru ini.

Menurutnya, semakan mendapat seorang daripada suspek berusia 25 tahun mempunyai rekod kesalahan lampau membabitkan Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

“Pemeriksaan turut mendapat semua wanita warga asing berkenaan tinggal lebih masa di negara ini berikutnya pas mereka tamat tempoh.

“Dalam serbuan itu, polis merampas beberapa peralatan digunakan untuk kegiatan judi terbabit termasuk 18 telefon bimbit, lima set komputer, empat modem dan empat buku catatan harian transaksi tambah nilai,” katanya sambil menambah pihak JSJ akan mengesan dalam sebenar sindiket judi atas talian terbabit untuk dibawa ke muka pengadilan.

Beliau berkata, semua suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Melaka Tengah untuk siasatan lanjut.

Katanya, siasatan masih diteruskan mengikut Seksyen 4(1)(g) dan Seksyen 4(1)(c) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 serta Seksyen 15(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.



**ANGGOTA polis mengangkat barang kes dirampas berupa peralatan termasuk komputer riba.**

## Ikan lumba-lumba 200 kg ditemui mati di Pantai Puteri

**Din Ahmad**

**PANTAI KUNDOR** Seekor ikan lumba-lumba seberat 200 kilogram (kg) dan sepanjang 2.4 meter ditemui mati terdampar di gigi pantai Kampung Pantai Rompong, Pantai Puteri, di sini pada 11 Jun lalu.

Bangkai ikan yang sekeluarga dengan ikan paus itu dijumpai nelayan, Muhammad Saiful Safuan Mad Aris, 25, ketika bersiap-siap untuk menolak perahu turun menangkap ikan dengan tekong, Mohd Rahmad Khamis, 37.

Mohd Rahmad berkata, ketika turun ke pantai untuk menolak perahu, dia terkejut apabila Muhammad Saiful yang sudah tiba di pangkalan nelayan itu lebih awal memberitahu ikan lumba-lumba terdampar di gigi pantai.

“Kami terus mendapatkan ikan itu dan dapatkan ada sedikit kesan luka pada bawah perut dan kulit di sebelah kirinya sudah mengelupas sedikit, dipercaya akibat sudah lama mati sebelum hanyut ke pantai.

“Kami menarik ikan itu jauh dari gigi pantai bagi mengelakkan ia hanyut jauh ke tengah laut,” katanya ketika ditemui di sini pada 11 Jun lalu.

Dia berkata, hasil penelitiannya dan rakannya, tiada kesan kecederaan lain ditemui pada tubuh ikan berkenaan.



**MUHAMMAD Saiful (kiri) dan Mohd Rahmad menarik bangkai ikan lumba-lumba seberat kira-kira 200 kg, jauh dari gigi pantai di Pantai Rombong, Pantai Puteri, Tanjung Kling pada 11 Jun lalu.**

Sementara itu, Ketua Jaringan Nelayan Pantai Rombong, Azmi Leman berkata, selepas meneliti keadaan mamalia laut itu, dia percaya ikan berkenaan sudah mati berkenaan berenang ke pinggir pantai berbanding habitat lazimnya di tengah laut.

Sehubungan itu, dia menghubungi pegawai Jabatan Perikanan dan berterima kasih kepada jabatan itu kerana berjanji menghantar kakitangan untuk menjalani siasatan dan mengambil tindakan lanjut.

Katanya, ikan berkenaan dikenali dalam kalangan nelayan sebagai ‘ikan songsong arus’, iaitu ikan dalam spesis keluarga ikan lumba-lumba

bersama isteri berusia 42 tahun telah diikat sekumpulan empat lelaki bersenjatakan pisau sebelum menyamun pelbagai barang antik, barang kemas, wang tunai dan sebuah SUV dianggarkan bernilai RM1.2 juta.

Abdul Majid berkata, pihaknya menerima laporan daripada mangsa berusia 54 tahun pada jam 4.13 pagi pada 5 Jun lalu.

Hasil siasatan, mangsa mendakwa telah didatangi empat lelaki di kondominium miliknya pada 4 Jun jam 8.30 malam, sebelum kumpulan itu bertindak mengacukan senjata tajam dan mengikat mangsa bersama isteri.

“Di rumah itu juga terdapat dua lagi anak mereka berusia 8 dan 9 tahun, bagaimanapun kedua-dua mereka tidak diapa-apakan dan pasangan suami isteri itu juga tidak mengalami kecederaan.

“Difahamkan suspek mengambil masa kira-kira lima jam untuk menggeledah rumah mangsa dan mengambil pelbagai jenis barang sebelum mlarikan diri,” katanya lagi.

‘dolphin’ yang keluarga besarnya ialah ikan paus.

Dia berkata, musim angin ribut barat sekarang dipercaya menyebabkan ikan berkenaan berenang ke pinggir pantai berbanding habitat lazimnya di tengah laut.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Mohd Fauzi Solehon yang dihubungi berkata, beliau sudah mengarahkan pegawai jabatan berkenaan ke lokasi kejadian dan mengambil tindakan selanjutnya.

“Saya ucapkan terima kasih kepada nelayan yang menjumpai ikan itu kerana menariknya jauh dari gigi pantai,” katanya.



# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## JAPERUN, NGO Islam permudah sumbangan kit makanan



Penghantaran kit makanan kepada mereka yang terjejas.



Kit makanan kecemasan diisi dengan barang makanan asasi.

**Erwin Abu Hasan**  
erwin@maim.gov.my

**MELAKA TENGAH** - Menjadi keutamaan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bilik Gerakan Mu-sa'adah Covid-19 Agensi Agama Islam menyantuni mereka yang terjejas sepanjang tempoh sukar ini.

Sumbangan kit makanan kepada penduduk di negeri ini yang terjejas pendapatan diteruskan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 yang diumumkan kerajaan baru-baru ini.

Sepanjang sukar ini masih ramai rakyat yang terkesan dan sumbangan yang diberi ini sedikit sebanyak membantu mereka meneruskan kehidupan sehari-hari.

Bantuan ini juga memberi seribu manfaat kepada penerima yang terkesan walaupun dari perspektif mereka yang berpendapatan tinggi, sumbangan itu disifatkan kecil, namun ia tetap besar maknanya kepada golongan yang memerlukan.

Bilik gerakan ini juga bekerjasama dengan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) dalam memastikan penyampaian kit makanan dapat dia-

gihkan dengan lebih cepat.

Badan-badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut memainkan peranan membantu menyalurkan sumbangan kit makanan ini dan ia dapat membantu memperce-

patkan proses pengagihan kepada mereka yang benar-benar terjejas.

MAIM turut menyeru kepada mana-mana individu dan agensi korporat yang berminat untuk menyumbang boleh

terus hubungi Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka di talian 06-2837416 / 2849809 sambungan 156.

Bilik Gerakan ini juga beroperasi di Pusat Islam Melaka bermula dari jam 9.30 hingga

3.30 petang sepanjang tempoh PKP 3.0.

Bahan makanan asasi seperti beras, gula, tepung, susu, sardin, garam, biskut, kopi dan minuman kordial merupakan antara bahan di dalam

kit makanan yang disediakan.

Sehingga kini sebanyak 12,000 kit makanan kecemasan Covid-19 ini telah disediakan dan diagihkan kepada penerima sepanjang tempoh PKP 3.0 fasa pertama ini.



*Skim*

# BANTUAN MAIM



<b>01</b> <b>Bantuan Makanan Bulanan</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>02</b> <b>Bantuan Saran Anak Sekolah</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>03</b> <b>Bantuan Saran Anak IPT</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
<b>04</b> <b>Bantuan Sakit Kronik</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>05</b> <b>Bantuan Sakit Terlantar</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>06</b> <b>Bantuan Skim Simpanan Fakir</b> Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
<b>07</b> <b>Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf)</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>08</b> <b>Bantuan Rawatan Dialisis</b> (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialisis Sdn. Bhd.) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	<b>09</b> <b>Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
<b>10</b> <b>Bantuan Pakaian Sekolah</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>11</b> <b>Pekerja Sukarelawan</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>12</b> <b>Bantuan Alat Bantu Pulih</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
<b>13</b> <b>Bantuan Khairat Kematian</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>14</b> <b>Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf)</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>15</b> <b>Bantuan Am</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
<b>16</b> <b>Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	<b>17</b> <b>Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf)</b> Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	<b>18</b> <b>Bantuan Aidiladha</b> Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
<b>19</b> <b>Bantuan Skim Simpanan Muallaf</b> Kelayakan : Asnaf muallaf sahaja	<b>*terbuka</b> mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf	

# ADAKAH PENIAGA DALAM TALIAN (ONLINE) WAJIB ZAKAT?



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadzil  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

Oleh yang demikian, pengusaha perniagaan yang mendapat keuntungan berganda wajib menunaikan Zakat Perniagaan sebanyak 2.5% daripada jumlah keuntungannya. Zakat Perniagaan ini bukan hanya tertakluk kepada perniagaan besar-besaran sahaja tetapi mereka yang mengusahakan perniagaan kecil-kecilan juga tidak terlepas untuk menunaikan ibadah zakat, lebih-lebih lagi perniagaan dalam talian (*online*).

Memandangkan situasi sekarang ramai yang kehilangan pekerjaan akibat penularan pandemik COVID-19. Justeru itu, bagi meneruskan kelangsungan hidup ramai yang cuba menceburi bidang perniagaan sehingga ada yang sanggup bekerja di pejabat waktu siang dan sebelah malam membuka warung menjual makanan. Ada pula yang membuat perniagaan secara sampingan secara langsung atau dalam talian (*online*) seperti menjual peralatan telekomunikasi, pakaian, makanan segera dan sebagainya.

Semoga dengan berzakat akan terbukalah

salah satu pintu keberkatan di sisi Allah SWT. Hanya tindakan kecil ini iaitu berzakat dapat memberi impak yang besar kepada asnaf yang memerlukan sekaligus dapat menyelamatkan setiap peniaga dalam talian. Yakin dan percayalah dengan janji Allah SWT bahawa zakat adalah saham akhirat yang akan menyelamatkan daripada azab seksaan yang amat pedih. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah As-Shaff ayat 10-11: Yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, suakah kamu aku

tunjukkan suatu perniagaan yang dapat menyelamatkanmu dari azab yang pedih? (Iaitu) kamu beriman kepada Allah dan RasulNya dan berjihad (berusaha gigih) di jalan Allah dengan harta dan jiwamu. Itulah yang lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui."

Sebarang pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
– (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

**SEDAR** atau tidak Allah SWT telah menuarkan banyak rezeki kepada manusia sama ada dalam bentuk kekayaan harta benda, alam semulajadi dan sebagainya. Manusia perlulah mensyukuri nikmat kurniaan-Nya dan menggunakan amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya khususnya pada jalan Allah SWT.

Seseorang individu yang menjalankan perniagaan sebenarnya mampu untuk memperolehi ganjaran pahala yang lebih iaitu memberi peluang pekerjaan kepada golongan yang tidak mempunyai pekerjaan.

**Jenis-Jenis PENGELOUARAN KWSP**

- Skim Pengeluaran Membina/Membeli Rumah
- Skim Pengeluaran Mengurangkan/Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan
- Skim Pengeluaran Pendidikan
- Skim Pengeluaran Kesihatan
- Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen (SPPB)
- Skim Pengeluaran Persaraan Pilihan (SPP)
- Skim Pengeluaran Mencapai Umur 50 tahun & 55 Tahun
- Skim Pengeluaran Hilang Upaya
- Skim Pengeluaran Meninggalkan Negara
- Skim Pengeluaran Kematian

"Zakat Bersih Jiwa, Suci Harta"

**Contoh Kiraan ZAKAT KWSP**

Tahun / Haul	<b>20XX</b>
Amaun Nisab	<b>XXXX</b>
<b>Maklumat KWSP</b>	
Jumlah Pengeluaran	<b>RM 50,000.00</b>
<b>Jumlah Zakat KWSP</b>	
Jumlah Layak Dizakat	<b>RM 50,000.00</b>
Jumlah Zakat 2.5% Setahun	<b>RM 1,250.00</b>

**Pastikan Hari Tua Anda Tenang Tanpa Hutang Ibadah**

1-300-88-0233 [www.izakat.com](http://www.izakat.com) [Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) [YouTube](#)

**Persoalan ZAKAT KE ATAS PENGELOUARAN KWSP MELALUI**

**SKIM i-LESTARI & i-SINAR**

Pengeluaran I-Sinar & i-Lestari wajib zakat atau tidak?  
Ada 2 kategori iaitu:

**1** Pengeluaran itu benar-benar terdesak dan perlu untuk kelangsungan hidup, maka ia itu **TIDAK WAJIB BERZAKAT**.

**2** Pengeluaran itu bukan kerana keperluan yang mendesak iaitu ia masih ada pendapatan lain atau ada lebihan pendapatan maka ia itu **WAJIB BERZAKAT**.

**ZAKAT MELAKA**

**ZAKAT-Bersih Jiwa, Suci Harta**

**Peniaga Online**

**Wajib 2.5% Zakat Perniagaan**

Layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

1-300-88-0233 [www.izakat.com](http://www.izakat.com) [Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) [YouTube](#)

**Hanya 2.5%**

**"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"**

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

**ZAKAT MELAKA**

**Bersih Jiwa Suci Harta**

1-300-88-0233 [www.izakat.com](http://www.izakat.com) [Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) [YouTube](#)

# PEMBAYARAN ZAKAT DALAM TALIAN

Kaedah

1



- > Isikan maklumat
- > Pilih jenis zakat & jumlah
- > Pembayaran melalui online banking



Sila Imbas  
[www.izakat.com](http://www.izakat.com)



ZAKAT MELAKA  
Bersekutu Untuk Semua

1-300-88-0233 [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

Zakat Melaka

zakat.melaka

## APLIKASI JEJAK ASNAF

( MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA )



### BANTU KAMI JEJAK ASNAF

MUAT TURUN SEKARANG DI  
GOOGLE PLAY!



GET IT ON  
Google play



01

DAFTAR PENGGUNA



02

LAPOR ASNAF




03

SEMAK LAPORAN

#### MOBIL JEJAK ASNAF MAIM

Majlis Agama Islam Melaka telah membangunkan sebuah Aplikasi Mobil Jejak Asnaf yang bertujuan memberi kemudahan rakyat negeri Melaka untuk menyampaikan maklumat individu yang memerlukan bantuan kebijakan di bawah saluran dana zakat Negeri Melaka

- 01 SALURAN KEMUDAHAN BAGI FENYATAAN MAKLUMAT INDIVIDU YANG MEMERLUKA BANTUAN
- 02 KES-KES VIRAL YANG BERLAKU DAPAT DIURANGKAN
- 03 MELAHIRKAN RAKYAT YANG PRIRATIN TERHADAP KEUSAHAN ASNAF
- 04 CARA KERJA MENJADI LEBIH EFFISIEN DAN SISTEMATIC
- 05 SISTEMINI BOLEH DIGUNAKAN CEPAT SEMASA SAHJA DAN MANA-MANA



f @maimmelaka

- 01 PENDAFTARAN PENGGUNA BAGI KALI PERTAMA MENGGUNAKAN SISTEMINI
- 02 SEMAK ASNAF SEMAK ASNAF SAMA ADA TELAH BERDAFTAR DENGAN MAIM ATAU TIDAK
- 03 SEMAK MULAMAT ASNAF ISI MULAMAT ASNAF ATAU DIRI SENDIRI YANG MEMERLUKA BANTUAN MENGIKUT KATEGORI YANG DITETAPKAN
- 04 SEMAK STATUS ASNAF SEMAK STATUS ASNAF ADUAN YANG TELAH DISAAT
- 05 INFOGRAPHIK NERKAITAN ADUAN YANG TELAH DISAAT



Permohonan Pengalihan  
Kubur Islam Lama

Kiraan & Agihan  
Fidyah

Kiraan &  
Agihan Kaffarah

Khidmat Nasihat  
Pengurusan Pusaka

serahan Harta  
Luqatoh  
(Barang Tercier)

Tabung Amal Jariah  
Negeri Melaka  
(TAJM)

Penandaan Arah  
Kiblat

Kebenaran/Lanjutan  
Pungutan Khairat

Harta/Wang Tidak  
Patuh Syariah

penebusan/pembelian  
Bahagian Baitulmal

11  
PERKHIDMATAN  
BAITULMAL  
MAIM

Sewaan Hartanah  
Baitulmal

Sila Hubungi/ kunjungi

Seksyen MAL, Majlis Agama Islam Melaka,  
Pusat Islam Melaka, Bukit Palah, Melaka  
( 06-283 7416 / 06-284 9809 )

"Baitulmal Diperkasa,  
Ummah Sejahtera"



# *Setinggi-tinggi Tahniah*



*Kepada*

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Sempena*

*Ulangtahun Pertama Pelantikan*

*Sebagai*

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada,*



No. 2418-1, KM 8, Lebuh Ayer Keroh, 75450 Melaka, Malaysia

Tel/Kecemasan : +606 - 231 9999 Fax : +606 - 231 3299

Whatsapp : +6016 - 301 2999

E-mel : my.pi.hak.general@parkwaypantai.com

Website : www.pantai.com.my/ayer-keroh



# *Setinggi-tinggi Tahniah*



*Kepada*

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Sempena*

## *Ulangtahun Pertama Pelantikan*

*Sebagai*

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada,*

**MAMEE**



**MAMEE SURRRP!**

**MONSTER**



**DOUBLE DECKER**

**CORNOZ.**

**nutrigen™**

**Cheers**

**MAMEE Chef**



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

# In Their Own Image: European Sojourners on Early Pulau Pinang and Malay History

MBRAS Reprint 20

## JOHN LEYDEN's MALAY ANNALS

With an Introductory Essay by

Virginia Matheson Hooker and M.B. Hooker



**IN 1805, JOHN LEYDEN, DESCRIBED AS A PERFECT STUDENT OF MALAY STUDIES, ARRIVED IN PULAU PINANG. TOGETHER WITH RAFFLES, THEY ACQUIRED MALAY MANUSCRIPTS, ONE OF WHICH WAS THE SEJARAH MELAYU - THE MALAY ANNALS.**

**// The idea of the tropical picturesque Penang was not innocent. These are closely intertwined with ideas and promotions of European expansion and economic development. //**

regular outline, "involved in those delicate tints of grey pink, which as the sun rose, through a human atmosphere, changed to a beautiful pink." Gilpin also described Kedah: "Whilst on the other side not more than four miles off, the hilly and jungly coast of Queda [sic] displayed almost equal beauty, though of bolder character."

The view, or the vista from the top of Penang Hill were equalled only in the Scottish Highlands or the Alps. It was from that posi-

tion that associations were made with British landscapes as seen in Lord Minto's letter in 1810 when he visited the island, "...steep, craggy, broken into smaller hills, and the whole covered with the most magnificent wood... and...vacant spaces which are green and flourishing."

It was the connection with the Scottish glen. The view from the hill was pretty and striking, where the ethnography portrayed an "Edenic interracial existence." Early British sojourners

who lived in Malay-style houses with attap roofs, associated it with the thatched roofs of cottages in Britain. Nineteenth century writers would habitually refer to Malay houses as 'cottages.'

Skott's narrative expectedly did not run counter to the assumption that the island was *terra nullius* before it was 'founded' by the British. But realised that the Malays made up the majority of the inhabitants post 1786. She overlooked the logic - it was simply because the Malays were there earlier, living ordered, regular lives.

European perceptions of Malays are largely based on stereotypes. The keris-wielding Malay image, of indolence, and running amok, treacherous and dangerous were mainly recycled assessments of the Malay character in the 18th and 19th century encounters by the European. Older accounts and the compendia of knowledge were scarce of new information where "the treachery and perfidy of the Malays having become proverbial."

The popular *British Mariner's Directory and Guide to the Trade and Navigation of the Indian and China Sea* (1802) returned to the old theme of Malay 'laziness,' writing that the Malay "will neither endeavour to improve themselves in the arts and sciences, or husbandry, but suffer their manufactures to be neglected, and their lands to lie without cultivation."

In the eighteenth century, a new theme had emerged in reports from the Malay world, that "the Malays had a history as a great seafaring and mercantile people." This was from Dutch naturalist Francois Valentijn. In his *Oud en Nieuw Oost-Indië*, he described the former greatness of Melaka, citing the *Sejarah Melayu*. Also Frenchman Pierre Poivre in his *The Travels of a Philosopher* (1770) wrote, "...The sea was covered with their ships, and they carried on a most extensive commerce.."

In 1805, John Leyden, described as a perfect student of Malay Studies, arrived in Pulau Pinang. There he saw the Malay in the image of the inhabitants of Scotland - "fierce and courageous." Together with Raffles, they acquired Malay manuscripts, one of which was the *Sejarah Melayu - the Malay Annals*.

The 'improvement' of the 'lazy Malay' is the European, Leyden's and Raffles's romantic imaginings of their own temperate climes.

**NEXT WEEK:  
Batik**

**\*PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN IS PROFESSOR OF SOCIAL AND INTELLECTUAL HISTORY WITH THE INTERNATIONAL INSTITUTE OF ISLAMIC THOUGHT AND CIVILIZATION, INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY (ISTAC-IIUM). HE IS A SENIOR FELLOW WITH THE SOUTHEAST ASIA RESEARCH CENTRE AND HUB AT DE LA SALLE UNIVERSITY, MANILA, THE PHILIPPINES.**

# Harga durian masih tinggi, ambil risiko terus berniaga – Peniaga

Farah Suhaidah Othman

**DUYONG** - Peniaga durian di negeri ini berdepan kerugian akibat kekurangan pelanggan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilaksanakan bermula 1 Jun lalu.

Kedua-dua itu bukan perkara baharu malah sudah menjelaskan pendapatan peniaga sejak PKP 1.0 dilaksanakan tahun lalu.

Seorang peniaga durian Abdul Rahim Ithnin, 43, berkata kekurangan pelanggan mencecah 70 peratus sejak negara dilanda pandemik COVID-19.

Bagaimanapun katanya, dia bersyukur kerana peniaga kecil seperti dirinya dibenarkan berniaga meskipun menghadapi cabaran itu.

"Durian baru mula gugur, jadi harga masih tinggi dan apabila harga tinggi, susah kita hendak dapat pelanggan terutamanya tidak boleh rentas daerah dan negeri, jadi pelanggan saya berkurangan 60 hingga 70 peratus."

"Jadi, saya terpaksa ambil risiko, hari ini berniaga mungkin minggu depan ada untung sedikit



**ABDUL Rahim termenung mengenangkan jualannya kurang mendapat sambutan pada musim PKP 3.0.**

atau rugi sedikit.

"Mahu tidak mahu, terpaksa teruskan jika kita tidak berniaga, memang rugi teruk."

"Jualan biasanya laris pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, namun jika hari waktu bekerja harap pulang modal sahaja," katanya yang mendapat bekalan buah dari Johor dan Melaka.

Bagi Zainudin Md Nor, 52,

meskipun musim buah itu baru bermula, namun berikutnya dengan faktor ekonomi isi rumah yang

terpaksa berjimat-cermat menjadi an-tara faktor hasil jualannya tidak selaris dulu.

Katanya, ditambah dengan faktor harga tinggi ditetapkan pemborong mengakibatkan dia tidak mempunyai pilihan untuk mengekalkan harga tinggi selain tidak

mahu mengambil risiko membrong durian dalam kuantiti yang banyak.

"Sebagai peniaga, memang agak terkesan kerana PKP 3.0 ini ramai pelanggan ekonomi mereka tidak berapa baik, tiada kerja dan sebagainya, jadi hasil jualan agak perlahan."

"Hendak kata tiada pelanggan, tidak juga, saya sendiri mempunyai

pelanggan tetap namun ada dalam kalangan penggemar durian lebih suka beli secara terus dari kebun kerana harga jauh lebih murah, jadi mereka agak berkira sedikit dalam situasi begitu."

"Kalau dulu, pelanggan boleh borong sehingga 10 kilogram tetapi sekarang mungkin agak berkira hanya beli satu atau dua tiga biji saja," katanya ketika ditemui di gerai jualannya di Semabok, di sini.

Mengulas lanjut, Zainudin atau lebih dikenali Pak Ngah berkata, dia juga tidak mempunyai pilihan lain untuk menurunkan harga kerana pemborong atau pengusaha kebun telah menetapkan harga tinggi.

"Contohnya, bagi durian kampung harganya masih tinggi kerana musim baru mula, lebih kurang RM15 hingga RM18 sekilogram."

"Buat masa ini harga masih belum boleh runding kerana peniaga durian semakin ramai dan buah juga baru gugur melainkan kalau berlaku lambakan buah, bahru harga durian diturunkan," katanya yang menjual durian kahwin antara RM25 hingga RM38 sekilogram.



## *Setinggi-tinggi Tahniah*

*Kepada*

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Sempena*

## *Ulangtahun Pertama Pelantikan*

*Sebagai*

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada,*



Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Ahli Lembaga Pengarah dan Seluruh kakitangan  
UTeM Holdings Sdn. Bhd.  
UTeM Holdings Properties Sdn. Bhd. (Subsidiari)  
UTeM Holdings Facility Management Sdn. Bhd. (Subsidiari)





DR. SHANKAR GUNARASA



**BARAH** payudara merupakan pembunuhan utama kaum hawa dan adalah insiden kanker tertinggi di Malaysia berbanding dengan kanker kanker lain. Berdasarkan statistik kanker dari tahun 2012 - 2016, 52.1% adalah kes kanker payudara di diagnosis tahap awal (Stage I & II) dan 47.1% adalah pada tahap lewat (Stage III & IV). Memandangkan bulan Oktober adalah bulan kesedaran kanker payudara, lebih baik kita meneliti symptom-symptom dan rawatan yang terkini.

Tanda kanker payudara mungkin berbeza bagi setiap pesakit. Ada sesetengah pesakit tidak menunjukkan sebarang tanda tetapi di diagnoskan dengan kanker Tahap 3 atau 4. Ada juga pesakit menunjukkan ketumbuhan yang ketara walaupun pada kanker Tahap 1.

Oleh itu pemeriksaan kendiri amatlah mustahak pada setiap wanita untuk mengetahui sebarang ketulan.

Tetapi tahukah anda, apakah tanda-tanda yang lazim bagi kanker payudara ini? Antara petanda yang perlu di perhatikan


**1) Bengkak atau ketulan di payudara**  
Ini adalah tanda awal untuk kanker payudara. Namun bukan semua ketulan yang timbul adalah barah semata-mata. Ada sesetengah ketulan yang hilang selepas haid atau ketulan lembut.

Ketulan yang harus di perhatikan ialah adalah ketulan keras, ketulan satu sahaja dan tidak ada pada payudara bersebelahan, ketulan yang menyebabkan kulit megecut atau mengeluarkan cecair. Walau apa sekalipun, golongan wanita di galakkam berjumpa dengan doktor supaya pemeriksaan terperinci dapat dilakukan.

**2) Puting berdarah atau berulser**

# Simptom apakah yang anda perlu khuatiri untuk kanser payudara?

## ADAKAH ANDA TERASA SEPERTI SIMPTOM-SIMPTOM DI BAWAH PADA PAYUDARA ANDA?



Geseran pada baju dalam ataupun alahan boleh menyebabkan puting menjadi gatal-gatal. Namun, ia juga merupakan salah satu simptom kanser. Ini adalah salah satu simptom yang sering dikaitkan dengan kanser payudara. Biasanya cecair berdarah tersebut akan keluar pada satu titik sahaja pada puting.

Adakalanya puting tersebut akan berulcer sehingga hilang rupabentuk puting tersebut. Ada juga puting berasa gatal mirip eczema yang di panggil "Pagets disease of breast". Selalunya, wanita akan alami simptom ini selama berbulan-bulan sebelum ia didiagnosis sebagai kanser payudara.

Sekiranya puting mengeluarkan cecair berdarah atau merah coklat, ertiinya kanser sudah bertahap berbahaya dan anda perlu mendapat rawatan segera.

### 3. Perubahan bentuk payudara

Satu lagi simptom kanser payudara ialah saiz

buah dada yang berubah secara tiba-tiba.

Adalah normal untuk wanita mengalami perbezaan dalam bentuk payudara ketika datang bulan ataupun mencapai akil baligh. Namun, tidak normal untuk saiz payudara berubah secara tiba-tiba. Sekiranya usia telah melanjut dan tiba-tiba salah satu payudara anda menjadi besar, anda perlu di periksa oleh seorang doktor.

### 4. Terasa sakit di bahagian payudara

Payudara akan berasa sakit pada masa haid dan akan reda selepas beberapa hari. Antara 10 akan mengalami kesakitan sebegini rupa. Tetapi ada tanda-tanda kesakitan yang mungkin disebabkan oleh kanser payudara seperti "Inflammatory breast cancer". Ia berkaitan dengan kesakitan di payudara dan diikuti dengan simptom kemerahan-merahan di kulit payudara.



Ada juga sakit dan kemerahan sebegini rupa mirip chronic granulomatous mastitis

(CGM) yang boleh di rawat dengan antibiotik dan steroid, tetapi biopsi terpaksa di lakukan untuk mengesahkan ianya barah atau tidak. Jika anda rasa tidak selesa ataupun sakit pada bahagian payudara, segera berjumpa doktor untuk pemeriksaan lanjut.

### 5. Kelenjar yang bengkak di ketiak

Kelenjar limfa tidak dapat dirasai oleh orang yang sihat. Namun, kadangkala ia boleh membengkak ketika melawan infeksi seperti jangkitan kuman di payudara. Namun ianya juga petanda kanser payudara sekiranya ada ketulan di payudara.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bagaimana untuk mengelakkan daripada muntah berdarah, anda boleh berhubung dengan **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka** di talian 06 2319999 Samb; 2131



# Dondang sayang ‘Meenachi’ dalam kenangan

Liana Sahabudin

**SEJAK**, kecil mak memang dah belajar berpantun sebab itu ilmu' pantun dondang sayang ini memang sentiasa dalam kepalanya. Spontan sahaja rangkap pantun itu dapat dilontarkan.

"Pernah sekali tu dia masuk hospital dan jururawat bagitahu dia sempat berbalas

pantun semasa dengan mereka walaupun dalam keadaan sakit."

Itu luahan P Amuda, 55, anak kepada mendiang ikon dondang sayang daripada masyarakat Chetti Melaka, G Meenachi, 91 yang disahkan meninggal dunia akibat sakit tua di Hospital Melaka pada 5 Jun lepas.

Amuda berkata, sejak re-



**IKON** dondang sayang daripada masyarakat Chetti Melaka, G Meenachi, 91 yang disahkan meninggal dunia akibat sakit tua di Hospital Melaka pada 5 Jun lepas.

maja, ibunya sudah mula memasuki persatuan untuk menerapkan budaya berpantun serta dondang sayang.

"Mak memang minat dondang sayang sejak kecil, masuk persatuan sehingga pantang sahaja ada 'roadshow' dia pasti akan menyertainya.

"Tapi sayangnya, kami anak-anak seramai enam orang yang mana paling tua berusia 60 tahun (sudah meninggal) dan bongsu berusia 54 tahun tiada yang mewarisi minatnya itu.

"Kami nak karang pantun dua kerat pun susah, tapi mak semua dah ada dalam kepala dia, spontan sahaja keluar dari mulutnya," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di rumahnya di Kampung Chetti, baru-baru ini.

Terkenal dengan gelaran Meenachi, mendiang bukan sahaja meninggalkan kenangan buat keluarganya, malah penduduk di kawasan itu yang turut sama merasai kehilangannya.

"Mak kiranya orang pal-


ing tua dan menjadi ikon di Kampung Chetti ini, jadi bila dia tiada, budaya atau warisan ini mungkin terasa kekurangan di kampung ini.

"Selepas ini, tinggallah kami lima beradik dan harapnya adalah mungkin empat orang cucu mak boleh meneruskan minatnya itu," katanya sambil menambah bapa mereka A Sathasisivpillay meninggal pada tahun 1977.

Untuk rekod, mendiang yang dilahirkan pada 4 Januari 1930, adalah keturunan Chetti Melaka dan amat fasih dalam bahasa Melayu dan tidak mahir dalam bahasa Tamil.

Dondang sayang adalah jenis nyanyian pantuan yang popular dalam kalangan masyarakat Melayu dan Cina Peranakan di Melaka yang dikatakan bermula pada zaman Kesultanan Melayu Melaka sekitar kurun ke-15.

Setiap persembahan dondang sayang diminati oleh beberapa golongan masyarakat seperti Melayu, Cina Peranakan, India, dan Portugis terutamanya di Melaka.



**GAMBAR** semasa perkahwinan Meenachi dan suami Sathasisivpillay.



## Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

Sempena

## Ulangtahun Pertama Pelantikan

Sebagai

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

Setulus Ikhlas Daripada,

**D&O**  
Greentech

**DOMINANT™**  
Opto Technologies  
Innovating Illumination

Mr. Tay Kheng Chiong  
Pengarah Urusan Kumpulan  
D&O Green Technologies Berhad





# *Setinggi-tinggi Tahniah*



*Kepada*

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Sempena*

*Ulangtahun Pertama Pelantikan*

*Sebagai*

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada,*

惠勝  
**HATTEN**

# Atlet SUKMA Melaka raih 9A SPM

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**TIDAK** hanya cemerlang dalam sukan, seorang atlet tenpin boling Melaka membuktikan dia mampu berjaya dalam bidang akademik apabila meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020.

Mikha Manoharan, 18, menjadi antara pelajar kebanggaan St Francis Institution Melaka apabila meraih 9A selepas menyemak keputusan rasmi secara dalam talian, baru-baru ini.

Anak kepada Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA), Madelina Kuah Wey Lee itu berkata, walaupun berdepan pelbagai cabaran apabila negara dilanda pandemik COVID-19 dan terpaksa menghadapi peperiksaan besar dalam norma baharu, dia berjaya mengharungi semua itu dan memperoleh keputusan membanggakan.

Ditanya sama ada menghadapi kesukaran dalam membahagikan masa antara sukan dan akademik, Mikha berkata, ia tidaklah begitu

sukar memandangkan segala-galanya diaturkan dalam jadual yang ditetapkannya.

Menurut Mikha, biasanya dia akan menjalani latihan tiga hari setiap minggu iaitu pada Jumaat, Sabtu dan Ahad, manakala untuk tujuan ulang kaji, dia lebih selesa menghadiri kelas tuisyen berbanding mengulang kaji sendiri di rumah.

"Saya tidak mengamalkan konsep ulang kaji secara berlebihan kerana saya lebih selesa memahami setiap subjek berbanding menghafal

seperti segelintir pelajar lain.

"Jika saya benar-benar tidak faham, saya akan bertanyakan rakan-rakan sekelas dan ia memang sangat membantu, selain ia juga dapat mengurangkan waktu yang diperlukan untuk mengulang kaji sesuatu pelajaran," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurutnya, selain mempraktikkan cara sendiri, dia juga percaya berkat sokongan semua pihak termasuk keluarga dan guru-guru turut menjadi penyuntik semangat buatnya meraih kecemerlangan

dalam SPM.

"Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada guru-guru sekolah terutamanya guru Fizik saya, Phan Li Zhen yang sentiasa mengambil berat dan sering membantu saya di dalam pelajaran."

"Tidak dilupa kepada keluarga dan pasangan kembar saya Mikel yang sentiasa memberi sokongan dan galakan untuk saya sampai ke tahap ini," katanya yang bercita-cita menjadi seorang jurutera elektrik dalam industri automotif.



**MIKHA** (kiri) bersama ibunya, Madelina (tengah) dan pasangan kembarnya, Mikel (kanan).

(Gambar dirakam sebelum PKP 3.0).

## Malaysia raih gangsa

**PASUKAN** manahan negara menamatkan penantian hampir dua tahun untuk meraih pingat pada kejohanan antarabangsa apabila memperoleh gangsa dalam acara recurve berpasukan lelaki di Piala Asia 2021 di Gwangju, Korea Selatan pada 10 Jun lepas.

Gandingan trio negara diketuai Olimpian negara, Khairul Anuar Mohamad, Muhamad Zarif Syahir Zolkepeli dan Muhammad Akmal Nor Hasrin tewas kepada pasukan Jepun yang diwakili Takaharu Furukawa, Yuki Kawata dan Hiroki Moto, 5-4, dalam peringkat separuh akhir.

Malaysia meraih pingat gangsa selepas hanya tiga pasukan bertanding pada acara berkenaan susulan penarikan diri pasukan Kazakhstan daripada bertanding dalam kejohanan berkenaan.

Kali terakhir trio berkenaan menaiki podium adalah pada Piala Asia 2019 di Clark, Filipina selepas membawa pulang gangsa dalam acara sama.

Malaysia meraih empat emas, satu perak dan lima gangsa dalam kejohanan itu.

Ketiga-tiga mereka selepas ini dijangka beraksi pada sebuah kejohanan di Paris, Perancis pada 18-20 Jun ini. - BERNAMA

  
*Setinggi-tinggi Tahniah*

*Kepada*

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Sempena*

*Ulangtahun Pertama Pelantikan*

*Sebagai*

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada,*



Seluruh Warga Kerja Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd.





# Setinggi-tinggi Tahniah



Kepada

**Tuan Yang Terutama  
Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali Bin Mohd Rustam**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., D.U.P.N., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

Sempena

*Ulangtahun Pertama Pelantikan*

Sebagai

**TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada,*



**Datuk Bandar, Yang Dipertua, Ahli-ahli Majlis, Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan  
serta seluruh warga kerja Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka**



Malaysia raih gangsa acara  
recurve berpasukan lelaki ■ 23

# Sukan

MELAKA HARI INI

LIGA SUPER MALAYSIA 2021  
Jadual perlawanan Melaka United FC

PERLAWANAN ke - 14

MELAKA UNITED FC SRI PAHANG FC

STADIUM DARUL MAKMUR, KUANTAN

AHAD, 25 JULAI 2021

9.00 Malam

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini

Melaka Tv

Grafik : Melaka Hari Ini  
Sumber : melakaunderitc.com



## Liga Super kembali 24 Julai ini

**TUMPUAN** peminat bola sepak tanah air akan kembali kepada saingan Liga Malaysia (Liga-M) yang bersambung bulan depan selepas berakhirnya kempen Kelayakan Piala Dunia 2022/ Piala Asia 2023.

Ketua Pegawai Eksekutif Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) Datuk Ab Ghani Hassan dalam satu kenyataan baru-baru ini, memaklumkan kempen Liga Premier akan bermula 3 Julai manakala tirai Liga Super kembali bersambung pada 24 Julai.

Bagaimanapun, Ab Ghani berkata beberapa pindaan jadual terpaksa dilakukan selepas Johor Darul Ta'zim (JDT) yang bermain dalam Liga Juara-Juara Asia (ACL) serta Kedah Darul Aman (DA) FC dan Terengganu FC (TFC) yang bersaing dalam kempen Piala AFC (Konfederasi Bola Sepak Asia) diwajibkan menjalani kuarantin selama 14 hari sejurus pulang ke tanah air.

"Pindaan jadual Liga-M juga tidak dapat dielakkan selepas JDT yang akan mengharungi kempen ACL di Thailand dikehendaki kuarantin 14 hari selepas pulang ke tanah air manakala Kedah DA FC dan TFC yang akan beraksi dalam Piala AFC di-

jangka menjalani prosedur kuarantin sama namun sehingga kini AFC masih belum menetapkan tarikh dan venue baharu bagi kejohanan berkenaan," katanya.

Ab Ghani berkata selain itu, pindaan tarikh baharu turut dilakukan terhadap dua perlawanan Liga Premier yang tertunda sebelum ini iaitu antara Selangor FC 2 dengan Sarawak United FC ekoran cuaca buruk dengan tarikh baharu perlawanan pada 29 Jun ini manakala Perak II FC menentang Kelantan FC pula ditunda ke 30 Jun berikutan penularan kes positif COVID-19 dalam kalangan beberapa pemain pasukan dari pantai timur itu.

Menurutnya lagi kepulangan pasukan kebangsaan dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) selepas bermain dalam kelayakan Piala Dunia 2022 dan Piala Asia 2023 selain diarah menjalani kuarantin selama 14 hari juga antara faktor jadual Liga-M dipinda.

Dalam perkembangan sama, Ab Ghani menzhairkan kegusaran bahawa jadual berkemungkinan akan dipinda sekiranya AFC membuat keputusan meminda jadual Piala AFC 2021 ke tarikh lain daripada jadual

asal.

"Merujuk kepada kenyataan AFC bertarikh 27 Mei 2021, Persatuan Bolasepak Singapura (FAS) telah menarik diri sebagai hos Piala AFC 2021 akibat peningkatan penularan COVID-19 di negara berkenaan dan MFL telah dimaklumkan bahawa AFC akan memaklumkan venue baharu.

"Sekiranya pihak AFC membuat keputusan untuk meminda jadual Piala AFC 2021 yang melibatkan pasukan Kedah DA FC dan TFC ke tarikh serta bulan yang berlainan dari jadual asal, ia dilihat akan memberi impak kepada penjadualan Liga-M dan Piala Malaysia 2021," tambahnya.

Jadual Liga-M, katanya, tidak boleh dipinda melebihi November berikutkan kebanyakan kontrak pemain dan pegawai hanya sah sehingga penghujung bulan berkenaan.

Sehubungan itu, MFL melalui Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) telah menyatakan secara rasmi kepada AFC supaya sebarang pindaan bagi tuan rumah pertandingan itu hendaklah dibuat berlandaskan jadual asal bagi memastikan perangkaan penjadualan liga domestik tidak terjejas.

### LIGA SUPER MALAYSIA 2021

#### KEDUDUKAN LIGA

		P	PG	MATA
1	JOHOR DARUL TA'ZIM	13	22	30
2	TERENGGANU FC	13	8	27
3	KEDAH DARUL AMAN FC	13	8	26
4	PENANG FC	13	4	22
5	SELANGOR FC	13	2	19
6	KUALA LUMPUR CITY FC	13	3	17
7	SABAH FC	13	0	16
8	PJ CITY FC	13	-4	15
9	SRI PAHANG FC	13	-6	12
10	PERAK FC	13	-7	12
11	MELAKA UNITED FC	13	-4	11
12	UITM FC	13	-26	2

\*MELAKA UNITED FC DIPOTONG 3 MATA MENERUSI KEPUTUSAN FIB

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini

Melaka Tv



LS13

Grafik : Melaka Hari Ini / Sumber : melakaunderitc.com